

# Pil Oral Isosorbide

## Dinitrate

Isosorbide Dinitrate

---

### MAKLUMAT PENGGUNA

---

### UBAT

Risalah ini menjawab beberapa soalan umum tentang pil oral Isosorbide Dinitrate.

Ia tidak mengandungi semua maklumat yang boleh didapati.

Ia tidak menggantikan perbincangan dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Semua ubat membawa manfaat dan risiko. Doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil pil oral Isosorbide Dinitrate berbanding manfaat yang dijangkakan.

**Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan untuk mengambil ubat ini, hubungi doctor atau ahli farmasi anda.**

**Simpan risalah ini bersama dengan pil Isosorbide Dinitrate.**

Anda mungkin perlu membacanya semula.

---

### Apakah kegunaan Isosorbide Dinitrate

---

Pil oral Isosorbide Dinitrate digunakan untuk mencegah serangan angina. Pil Isosorbide Dinitrate tidak boleh mengurangkan rasa sakit akibat

serangan angina tetapi ia boleh mencegah serangan daripada berlaku apabila digunakan selalu.

Angina merujuk kepada sakit atau rasa tidak selesa pada dada, sering kali merebak ke lengan, leher dan kadang kala ke bahu dan bahagian belakang badan.

Isosorbide Dinitrate tergolong dalam satu kumpulan ubat yang dinamakan nitrate. Isosorbide Dinitrate bertindak dengan meluaskan salur darah agar menambahkan bekalan darah dan oksigen ke jantung.

Isosorbide Dinitrate juga membantu dalam rawatan sesetengah jenis kegagalan jantung.

Doktor anda mungkin membekalkan Isosorbide Dinitrate untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Isosorbide Dinitrate dibekalkan kepada anda.

Tiada bukti bahawa pil oral Isosorbide Dinitrate menyebabkan ketagihan.

---

### Sebelum anda mengambil pil oral Isosorbide Dinitrate

---

***Bila anda tidak boleh mengambil Isosorbide Dinitrate (bincang dengan doktor anda)***

1. Jika anda alah kepada:

- Isosorbide Dinitrate
- sebarang ubat atau makanan yang mengandungi nitrate atau nitrite
- sebarang bahan yang disenaraikan di hujung risalah ini

Simptom-simptom reaksi alahan termasuk ruam kulit, gatal atau bintik-bintik merah pada kulit, bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain, sesak nafas, berdehit dan rasa pitam.

2. Jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan seperti berikut:

- anda menghidap sesetengah jenis penyakit jantung (doktor anda akan menasihati anda jika ini berkaitan)
- anda mempunyai tekanan darah yang sangat rendah
- anda menghidap anemia
- anda mengandungi atau menyusukan bayi, melainkan doktor anda membenarkan anda mengambil Isosorbide Dinitrate. Sila tanya doktor anda mengenai risiko dan manfaat yang terlibat

3. **Jangan mengambil Isosorbide Dinitrate selepas tarikh luput yang tertera pada pek ini**

**4. Jangan mengambil Isosorbide Dinitrate jika terdapat tanda salahguna pada bungkusannya**

5. Isosorbide Dinitrate tidak disyorkan untuk diberikan kepada kanak-kanak (doctor anda akan menasihati jika ini diperlukan).

*Sebelum anda mula mengambil Isosorbide Dinitrate*

**Jumpa doktor anda untuk pemeriksaan sebelum anda mula menggunakan Isosorbide Dinitrate.**

**Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli daripada farmasi atau pasaraya.**

*Beritahu doktor anda jika anda ada sebarang keadaan berikut:*

- penyakit jantung, hati atau buah pinggang
- masalah darah atau pengerasan arteri.
- tekanan darah rendah
- jika anda baru mengalami serangan jantung, strok atau cedera pada bahagian kepala
- keadaan medikal lain

*Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk mana-mana berikut:*

- ubat untuk tekanan darah tinggi dan ubat jantung lain
- penenang/ sedatif
- ubat untuk arthritis
- ubat untuk kemurungan

Ubat ini mungkin mempengaruhi cara Isosorbide Dinitrate bertindak.

Doktor atau ahli farmasi anda boleh menasihati anda jika anda sedang mengambil mana-mana ubat tersebut.

**Jangan mula mengambil mana-mana ubat lain melainkan dipreskripsikan atau diluluskan oleh doktor anda.** Ini termasuk ubat yang anda boleh beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

---

### **Cara Pengambilan Isosorbide Dinitrate**

---

Pil oral Isosorbide Dinitrate digunakan untuk mengurangkan nombor serangan angina dan tidak patut mengambil ubat ini untuk melegakan serangan angina yang telah pun bermula.

*Cara pengambilan Isosorbide Dinitrate*

### **Pil Oral Isosorbide Dinitrate**

Dos yang disyorkan untuk angina ialah 5 mg ke 30 mg ( $\frac{1}{2}$  ke 3 tablet) diambil empat kali sehari, dengan sekurang-kurangnya 8 jam antara dos petang dan dos kesokan pagi.

Doktor anda mungkin syorkan dos yang berlainan untuk anda. **Ikuti arahan doktor anda jika ia berlainan daripada yang tersebut.**

**Telan pil Isosorbide Dinitrate dengan segelas air.**

**Jangan kunyah atau hancurkan pil oral Isosorbide Dinitrate.**

**Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda.**

Pesakit tua mungkin perlu dos yang lebih rendah.

*Jika anda terlupa mengambil Isosorbide Dinitrate*

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat, dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

**Jangan cuba menggantikan dos yang terlupa dan mengambil lebih daripada satu dos pada suatu masa.** Jika anda tidak pasti sama ada untuk mengambil dos yang seterusnya, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda menghadapi masalah untuk mengingati masa mengambil ubat, sila dapatkan petua daripada ahli farmasi anda.

### *Dos berlebihan*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Isosorbide Dinitrate, hubungi doktor anda atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera. Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Simpan nombor telefon yang berkenaan sementara mengambil sebarang ubat.

Jika anda terlebih mengambil pil Isosorbide Dinitrate, anda mungkin berasa sakit kepala, muka menjadi merah, berpeluh sejuk, loya, muntah, tekanan darah yang amat rendah dan denyutan jantung yang pantas.

---

### **Semasa anda mengambil Isosorbide Dinitrate**

---

#### ***Perkara yang patut anda lakukan***

Jumpa doktor anda untuk pemeriksaan yang kerap dan berbincang dengan doktor anda sekiranya anda mengalami apa-apa masalah semasa pengambilan pil Isosorbide Dinitrate.

**Beritahu doktor anda dengan segera jika serangan angina anda bertambah buruk atau lebih kerap semasa mengambil Isosorbide Dinitrate.**

**Ambil Isosorbide Dinitrate seperti yang dipreskripsikan oleh doktor anda.**

**Simpan Isosorbide Dinitrate yang secukupnya untuk bekalan sehingga hujung minggu atau cuti am.** Jika anda kehabisan Isosorbide Dinitrate, ia boleh dibeli dari farmasi tanpa preskripsi.

**Sebelum menjalani sebarang pembedahan, beritahu doktor atau pakar bius anda bahawa anda sedang mengambil Isosorbide Dinitrate.**

Jika anda berasa sakit kepala selepas mengambil Isosorbide Dinitrate, anda dicadangkan mengambil ubat penahan sakit. Sakit kepala biasanya pulih dengan

terapi Isosorbide Dinitrate yang berterusan. **Jika sakit kepala berterusan, hubungi doktor anda.**

#### ***Perkara yang perlu diambil perhatian***

Anda mungkin berasa gayang, pening atau pengsan apabila anda mula mengambil Isosorbide Dinitrate. Ini disebabkan oleh tekanan darah anda jatuh dengan tiba-tiba.

**Bangun dengan perlahan-lahan apabila bangun dari tidur atau berdiri** jika anda berasa gayang, pening atau pengsan. Jika anda minum alkohol, rasa pening atau pitam mungkin lebih teruk.

Bangun dengan perlahan-lahan, terutama ketika anda sedang bangun dari katil atau kerusi untuk membiasakan badan anda dengan perubahan kedudukan dan tekanan darah. Masalah ini biasanya hilang selepas beberapa dos pertama.

**Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda memahami bagaimana Isosorbide Dinitrate boleh mempengaruhi anda.**

Walaupun anda berasa lebih sihat apabila anda mula mengambil Isosorbide Dinitrate, anda masih perlu berhati-hati untuk mengelakkan aktiviti fizikal yang berlebihan.

#### ***Perkara yang tidak patut anda lakukan***

**Jangan kunyah atau hancurkan pil.**

Jika anda telah mengambil Isosorbide Dinitrate dengan tetap untuk seketika, **jangan tiba-tiba berhenti mengambilnya** kerana ini boleh menyebabkan serangan angina. Bincang dengan doktor anda tentang cara terbaik untuk mengurangkan jumlah Isosorbide Dinitrate secara perlahan-lahan sebelum anda berhenti mengambilnya dengan sepenuhnya.

**Jangan memberikan ubat ini kepada orang lain.**

**Jangan mengambil ubat lain melainkan anda telah berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.** Ini termasuk ubat yang anda boleh membeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

---

### **Kesan Sampingan**

---

**Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda berasa tidak sihat semasa anda mengambil Isosorbide Dinitrate.**

Isosorbide Dinitrate boleh membantu kebanyakan orang yang mengalami angina, tetapi ia mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang.

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Kadang-kadang serius tetapi kebanyakan masa tidak serius. Anda mungkin memerlukan rawatan jika anda mendapat sebarang kesan sampingan berikut.

### ***Kesan sampingan biasa***

- sakit kepala (sementara atau berterusan)
- pening, gayang, atau rasa pening, terutamanya semasa bangun dari duduk atau baring.

### ***Kesan sampingan yang tidak biasa***

- loya dan muntah
- kulit menjadi merah-merah
- bengkak pada tangan dan kaki
- ruam kulit dan kulit mengelupas
- anemia
- kadar denyutan jantung meningkat

### ***Kesan sampingan serius***

- tekanan darah menurun dengan teruk
- pesakit yang sensitif boleh mengalami aliran darah yang berkurangan yang boleh merosakkan jantung atau menyebabkan kegagalan jantung

Beritahu doktor anda sekiranya anda berasa tidak sihat, walaupun tidak disenaraikan dalam senarai ini. Sesetengah orang mungkin mendapat kesan sampingan yang lain semasa mengambil Isosorbide Dinitrate.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada sebarang persoalan.

---

### ***Penyimpanan***

---

**Simpan pil Isosorbide Dinitrate dalam botol atau pek blister sehingga tiba masa untuk mengambilnya.**

Jika anda mengeluarkan pil daripada botol atau pek blister, mereka tidak akan tahan lama dan tidak baik.

**Simpan pil Isosorbide Dinitrate di tempat yang sejuk dan kering, pada suhu bawah 30°C.**

**Jangan simpan Isosorbide Dinitrate atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat dengan sinki.**

Hangat dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

**Jauhkan Isosorbide Dinitrate dan semua ubat daripada kanak-kanak.**

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

**Jangan tinggalkan Isosorbide Dinitrate dalam kereta semasa cuaca panas.**

---

### ***Pelupusan***

---

**Pulangkan sebarang ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda.**

---

### ***Deskripsi Produk***

---

#### ***Apakah rupa Isosorbide Dinitrate***

Pil Oral Isosorbide Dinitrate 10 mg – berdiameter 6.5 mm, bulat, rata,

bergores, pil putih bertanda 'UPHA/ISD' yang dibekalkan dalam kotak yang mengandungi 100, 500 dan 1000 biji pil.

### ***Kandungan***

#### **Isosorbide Dinitrate 10 mg**

#### **Oral**

*Kandungan aktif:* 10 mg isosorbide dinitrate

#### ***Pengilang/ Pengedar***

Isosorbide Dinitrate dihasilkan oleh:

**UPHA Pharmaceuticals Mfg (M) Sdn.Bhd.**

(53667-M)

Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,

Bangi Industrial Estate,

43650 Bandar Baru Bangi,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Isosorbide Dinitrate diedarkan oleh:

**CCM Pharmaceuticals Sdn.Bhd.**

(27754-W)

Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,

Bangi Industrial Estate,

43650 Bandar Baru Bangi,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Risalah ini telah disediakan pada bulan Oktober 2011.

Nombor Pendaftaran Malaysia:

Isosorbide Dinitrate - MAL

19860182A